

29 MAY 2001

SYED HAMID-MESYUARAT

M'SIA MAHU NEGARA G15 BERI KEUTAMAAN KEPADA SIDANG KEMUNCAK

Oleh: Mohd Kamel Othman

JAKARTA, 29 Mei (Bernama) -- Malaysia mahu Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) memberi keutamaan tinggi kepada sidang-sidang kemuncak pada masa depan dengan diwakili oleh ketua-ketua negara.

Malaysia mahu melihat lebih ramai ketua-ketua negara mengambil bahagian pada Sidang Kemuncak G15, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Menurutnya, beliau bersetuju bahawa sidang kemuncak itu penting dan diadakan setiap tahun tetapi negara-negara anggota perlu meletakkannya pada kedudukan yang tinggi dan diwakili oleh ketua-ketua kerajaan.

Syed Hamid, yang membangkitkan perkara itu pada mesyuarat peringkat Menteri Luar G15, semalam, berkata soal kekerapan sidang kemuncak yang diadakan merupakan salah satu perkara yang dibincangkan pada mesyuarat berkenaan.

Ketika ditanya jumlah sebenar ketua kerajaan yang akan hadir pada Sidang Kemuncak ke-11 di sini bermula esok, Menteri Luar itu berkata: "Kalau (ketua kerajaan yang) datang enam atau sembilan orang, ia tidak menimbulkan masalah."

"Kita tidak pernah mendapat kedatangan (ketua kerajaan) penuh. Setiap wakil yang datang mempunyai mandat daripada ketua kerajaan masing-masing," kata beliau.

Menurut laporan, hanya tujuh ketua negara G15 akan menghadiri Sidang Kemuncak kali ini, yang julung-julung kalinya dianjurkan oleh Indonesia sejak G15 ditubuhkan pada tahun 1989.

Selain Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid, ketua-ketua negara yang dijangka hadir ialah Presiden Nigeria Olusegun Obasanjo, Presiden Senegal Abdoulaye Wade, Presiden Venezuela Hugo Chavez, Perdana Menteri Mesir Atef Ebeid, Perdana Menteri Jamaica James Patterson dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada awalnya, sembilan ketua kerajaan akan hadir pada sidang kemuncak kali ini.

Presiden Algeria Abdelaziz Bouteflika dijangka diwakili oleh speaker parlimen Algeria manakala Presiden Zimbabwe Robert Mugabe membatalkan lawatannya ke Jakarta kerana kematian Menteri Pertahanannya Moven Mahachi yang terkorban dalam nahas jalanraya Sabtu lepas.

Syed Hamid berkata G15 tidak harus dilihat sebagai tidak penting memandangkan ketidakhadiran beberapa ketua kerajaan tetapi apa yang lebih mustahak ialah apakah isu yang dibincangkan.

Setiap tahun negara anggota G15 mengadakan mesyuarat dan laporan kemajuan menunjukkan bahawa terdapat pergerakan dan pencapaian dalam kumpulan itu yang membawa manfaat kepada negara selatan-selatan.

Oleh sebab itu, katanya, negara-negara G15 mengulangi pendirian mereka untuk memperkukuhkan lagi hubungan di kalangan negara anggota.

Syed Hamid juga berkata beliau telah menghadiri beberapa sesi mesyuarat G15 dan dapat melihat perbezaannya.

"Saya lihat ada minat dan keseriusannya sekarang. Mereka mengetahui untuk mereka menjadi kuat, mereka perlu bekerjasama dalam konteks selatan-selatan. Kumpulan 15 negara membangun ialah sebuah kumpulan yang berjaya," katanya. -- BERNAMA

MKO AA